

NO SOALAN :113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka kutipan hasil persekutuan dari negeri Sabah setiap tahun dari 2010 hingga 2016 termasuk cukai langsung dan cukai tidak langsung.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh 2010 hingga 2016, jumlah kutipan cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM1.1 trilion. Daripada hasil cukai tersebut, jumlah cukai yang dikutip di Sabah bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM31.0 bilion, iaitu 2.8% daripada hasil cukai keseluruhan Kerajaan Persekutuan. Kutipan cukai langsung dan tidak

langsung di Sabah bagi tempoh tersebut adalah masing-masing berjumlah RM23.5 bilion dan RM7.5 bilion. Jumlah kutipan cukai di Sabah adalah sebanyak RM3.1 bilion bagi tahun 2010, RM3.7 bilion (2011), RM4.3 bilion (2012), RM4.2 bilion (2013), RM4.3 bilion (2014), RM5.4 bilion (2015) dan RM5.9 bilion (2016).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung ini tidak menggambarkan hasil sebenar sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti di sesebuah negeri boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti sebenar syarikat adalah di negeri lain.